

| | |
|------------|---|
| Headline | CCM Duopharma kumpul dana bantu pesakit buah pinggang |
| MediaTitle | Sinar Harian |
| Date | 30 May 2018 |
| Language | Malay |
| Section | Rencana |
| Color | Full Color |
| Page No | 4 |



CCM Duopharma kumpul dana bantu pesakit buah pinggang

CCM Duopharma Biotech Berhad (CCM Duopharma) mengumpul dana RM5,000 menerusi kempen "Pakai Hijau untuk Amal" bagi Yayasan Amal MAA Medicare yang menawarkan subsidi rawatan dialisis kepada pesakit kurang berkemampuan menghidap

penyakit buah pinggang kronik. Kempen satu bulan itu dianjurkan sempena Bulan Buah Pinggang Sedunia baru-baru ini bagi menyokong inisiatif "Dress Down for Charity" anjuran MAA Medicare untuk meningkatkan kesedaran terhadap pentingnya

menjaga kesihatan buah pinggang.

Semasa kempen "Pakai Hijau untuk Amal" pada bulan Mac, kakitangan CCM Duopharma bukan sahaja memberi sumbangan wang, tetapi juga mengumpul dana dengan memakai hijau setiap Jumaat sepanjang bulan dan menganjurkan peraduan swafoto untuk menyuntik keseronokan dan menggalakkan lebih interaksi antara rakan-rakan sekerja.

Pada akhir kempen itu, kakitangan CCM Duopharma berjaya mengumpul sumbangan sebanyak RM2,500 ditambah oleh bahagian Francais Penjagaan Buah Pinggang Syarikat, menjadikan jumlahnya RM5,000.

Pengarah Urusan CCM Duopharma Biotech Berhad, Leonard Ariff Abdul Shatar, baru-baru ini telah menyampaikan replika cek sumbangan tersebut kepada Ketua Pegawai Eksekutif MAA Medicare, Datuk Aliyah Karen.

CCM Duopharma terlibat dalam pembangunan, pengeluaran dan pemasaran ubat-ubatan generik dan produk penjagaan kesihatan berjenama.

Pengeluar farmaseutikal ini menjadi pemain peranan penting di rantau ini menawarkan pelbagai produk dalam



bentuk pil, kapsul, sirap, antibiotik oral, krim, larutan hemodialisis, larutan pengairan steril, bahan suntikan serbuk steril, bahan suntikan isi padu kecil, kartrij pergigian dan sediaan titisan mata.

Duopharma ialah syarikat farmaseutikal pertama yang menerima Pensijilan Farmaseutikal Halal berdasarkan Piawaian Farmaseutikal Halal pertama dunia: MS2424:2012 "Farmaseutikal Halal - Garis Panduan Umum" dan juga disenaraikan dalam Buku Rekod Malaysia 2013.



Leonard Ariff (lima, kanan); Aliyah Karen (tengah); Ketua Pegawai Komersial CCM Duopharma Biotech Berhad, Billy Urudra (lima, kiri); Pengurus Besar Perniagaan Khas Etika, CCM Duopharma Biotech Berhad, Nor Aida Jaafar (kanan); bersama-sama kakitangan CCM Duopharma dan pemenang pertandingan swafoto semasa majlis penyampaian replika cek.